

MESJID - SATU TINJAUAN MESJID-MESJID LAMA DAN BARU
PULAU PINANG SERTA KAITANNYA DENGAN PERKEMBANGAN
AGAMA ISLAM.

Kajian Akhir (Final Studies) ini dihantar kepada
Jabatan Senibina, Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi
syarat matapelajaran ARC 471 - 'History of Architecture'.

Disediakan oleh,

Mohamad Sohaimi bin Man,
No. K/P ITM : 82578117.

Diploma Senibina Tahun Akhir ~ 4
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor.

Sessi 85/84.

ISI KANDUNGAN

0.0	Tajuk Kajian	i
0.1	Isi Kandungan	ii
0.2	Kata-kata Pengantar	iv
0.3	Sepatah Kata	vi
0.4	Kata-kata Penghargaan	vii
0.5	Sinopsis	ix

BAB 1 ISLAM DI ALAM MELAYU

1.1	Pengenalan :	
	Ringkasan Sejarah Perkembangan Islam Di Rantau Tanah Melayu	1
1.2	Kewujudan Senibina Mesjid	7
1.3	Ringkasan Sejarah Pulau Pinang	11

BAB 2 MESJID 14

2.1	Permaknaan Mesjid	14
2.2	Peranan Dan Kefungsian Mesjid	17
2.3	Mesjid Dan Falsafahnya	24

BAB 3 PERSEJARAHAN PULAU PINANG 30

3.1	Pengaruh-pengaruh Awal	30
3.2	Perkembangan Dan Kemajuan Islam di Pulau Pinang	36
3.3	Satu Tinjauan Terhadap Mesjid-mesjid Lama Dan Baru Pulau Pinang Serta Kaitannya Dengan Perkembangan Agama Islam	46

BAB 4 KEMUNCULAN MESJID-MESJID BARU DALAM MASYARAKAT
ISLAM 99

4.1	Masyarakat Islam Dan Mesjid Hari Ini	99
4.2	Rekabentuk Mesjid-mesjid Hari Ini	105

KATA-KATA PENGHARGAAN

" Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang "

Saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana telah mengizinkan
hambanya ini untuk menyiapkan laporan kajiselidik yang ringkas
ini dan disamping itu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih
kepada semua yang terlibat khususnya :

1. Encik Abdul Ghani bin Mohd. Desa,
Pensyarah Kursus Diploma Senibina Tahun 4,
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi MARA.
Shah Alam, Selangor.
2. Pensyarah-Pensyarah Diploma Senibina Tahun 4,
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi MARA.
Shah Alam, Selangor.
3. Pusat Penerangan,
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi MARA.
Shah Alam, Selangor.
4. Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Institut Teknologi MARA.
Shah Alam, Selangor.
5. Perpustakaan Awam Negara,
Kuala Lumpur.
6. Perpustakaan Awam Negeri,
Dewan Sri Pinang,
Pulau Pinang.
7. Muzium Negeri,
Pulau Pinang.

SINOPSIS

Perkembangan Islam di Asia Tenggara yang bermula pada awal abad ke duabelas merupakan satu petanda penting dan satu nikmat yang tidak boleh dinilaikan, kerana kedatangannya itu seolah-olah penyuluhan di dalam gelap yang memerlukan jalan keluar atau mendapatkan sesuatu.

Setelah sekian lama bermulanya Islam dari abad itu, perkembangan Islam telah bermula dan meluas sehingga Tanah Melayu pada waktu itu menjadi salah satu daripada pusat perkembangan ugama itu. Perkembangannya lebih jelas dengan terdapatnya mesjid-mesjid lama yang boleh dijadikan bukti seperti Mesjid Langgar, Kedah, Mesjid Ubaidiah, Perak, Mesjid Terangkera, Melaka dan sebagainya.

Aspek kajian terhadap mesjia-mesjid lama dan baru di Pulau Pinang ada mempunyai kaitan rapat dengan pendudukan Islam di utara Tanah Melayu. Negeri Kedah merupakan sebuah daripada negeri yang menerima kedatangan Islam yang pertama kerana jalan lautnya merupakan perhubungan utama dan juga merupakan jalan terdekat dalam hubungan dagangan dan perkembangan Islam dari Asia Tengah.

Namun begitu, keberkesanan pengaruh Islam di utara Semenanjung adalah lebih jelas dengan terdapatnya mesjid-mesjid lama yang mana boleh dibuat satu andaian sejarah melalui kajian yang agak ringkas ini.

Melalui kajian ini, satu perbandingan dan kritik mengenai adanya mesjid-mesjid tersebut akan dibuat dan mempunyai kaitan dengan masyarakat dan ugama Islam boleh dibincangkan secara kasar dan suatu kesimpulan dasar dapat dikeluarkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ke atas tajuk yang tersebut adalah perlu diteliti untuk mendapatkan satu rumusan muktamad dalam konsep penghayatan sebuah mesjid, keujudannya dan perkembangannya sehingga ke hari ini.

Matlamat utama dibuat melalui rumusan dan penghayatan secara fizikal dan di antaranya ialah :

- a) Membuat kajian sejarah dan perkembangan unsur senibina dan perkembangannya
- b) Peranannya pada sesuatu masyarakat setempat pada waktu dahulu dan sekarang
- c) Konsep penempatan dan penglibatan pengaruh-pengaruh luar dan dalam terutama dalam rupabentuk senibinanya
- d) Persoalan perlu ditimbulkan iaitu dengan kedapatan mesjid lama, apakah ianya menunjukkan kedatangan agama Islam ujud pada awalnya?
- e) Kajian ini juga untuk mengetahui bagaimana reaksi masyarakat setempat dalam menghayati mesjid pada sesebuah tempat.
- f) Perkembangan mesjid-mesjid yang ada dan identitinya pada hari ini dan seterusnya pada masa-masa hadapan
- g) Permasalahan yang timbul sekarang dengan pembinaan mesjid-mesjid yang banyak di rata-rata tempat.

Melalui objektif ini juga, dapat kita menambah pengetahuan secara penyelidikan pada teori dan secara terbuka iaitu dengan menghadapi para orangramai yang mengetahui sejarah mesjid.

Keupayaan fizikal yang teguh dan sabar menghadapi segala rupa-bentuk halangan boleh mengatasi segala masalah yang berbangkit.